

B B296 AAB  
MAHATHIR-ISLAM 9 9 9  
(1)

PETALING JAYA, 8 NOV (BERNAMA) -- KEBANGKITAN ISLAM YANG SEBENAR HANYA BOLEH BERLAKU JIKA UMAT ISLAM KEMBALI KEPADA AJARAN ISLAM YANG SEBENAR; KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KEBANGKITAN YANG SEBENAR DAN KEKAL TIDAK BOLEH WUJUD TANPA DASAR INTELEKTUAL, SATU ASAS FIKIRAN DAN ANALISIS SEMASA DARIPADA SUMBER-SUMBER UTAMA ISLAM -- AL QURAN DAN SUNNAH, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PADA PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG KEEMPAT MAJLIS DAKWAH ISLAM RANTAU ASIA TENGGARA DAN PASIFIK (RISEAP) DI SINI; DALAM MERANCANG KEBANGKITAN ISLAM, IJTIHAD MESTI SEIRING DENGAN JIHAD DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU.

PENYELESAIAN KEPADA MASALAH-MASALAH SEMASA DAN AKAN DATANG BAGI MASYARAKAT ISLAM MESTI DATANG DARI DALAM WARISAN ISLAM YANG PELBAGAI TETAPI BERSATU, TAMBAHNYA.

+KITA (UMAT ISLAM) MESTI BERSEEDIA UNTUK MEMINJAM FIKIRAN-FIKIRAN YANG TIDAK BERCANGGAH DENGAN AGAMA DAN MENGUBAHSUAINYA SEPERTI PERLU KITA MENGADAKAN FIKIRAN-FIKIRAN BARU BAGI MENGHADAPI CABARAN-CABARAN MASA INI.+

-- LAGI.

1444MST 08 11 86

U B298 AAB  
MAHATHIR-ISLAM 2 PETALING JAYA 9 9 9

KATANYA AL-QURAN DAN SUNNAH MESTI MENJADI PANDUAN UMAT ISLAM TETAPI MEREKA (UMAT ISLAM) TIDAK BOLEH MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH HARI INI DENGAN KEMBALI KEPADA ZAMAN SILAM.

PERCUBAAN SESETENGAH DARIPADA UMAT ISLAM UNTUK KEMBALI KEPADA APA YANG MEREKA GELAR FUNDAMENTALISME ISLAM GAGAL DAN TIDAK MEMBANTU MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH KEHIDUPAN MODEN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA KEBANGKITAN ISLAM YANG SEBENAR PADA MASA INI DAN MENAMBAH, JIKA IA WUJUD UMAT ISLAM AKAN DOMINAN DALAM DUNIA MODEN.

+SEBALIKNYA KITA DISERANG BUKAN SAHAJA ORANG YANG BERMUSUHAN DENGAN KITA TETAPI JUGA DENGAN ADANYA PERGADUHAN SESAMA SENDIRI.+

KATANYA ISLAM PADA MASA INI TIDAK GEMILANG SEPERTI PADA MASA LEPAS KERANA UMAT ISLAM TELAH MENINGGALKAN AJARAN ISLAM YANG SEBENAR. -- LAGI.

1455MST 08 11 86

**MAHATHIR - ISLAM 3 PETALING JAYA**

+KITA TELAH MENUKAR NILAI-NILAI YANG DIAJAR OLEH ISLAM DAN MENAFIKAN BANYAK AYAT DALAM AL-QURAN.

+ADA YANG SAMPAI SANGGUP BERKATA SEBAHAGIAN KANDUNGAN KITAB SUCI AL-QURAN TIDAK LAGI DAPAT DITERIMA KERANA IA TIDAK SELARI DENGAN TAFSIRAN YANG DIGEMARI SEKARANG,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEAGUNGAN ISLAM DAPAT DIKEMBALIKAN DAN KEBANGKITAN SEMULA WUJUD JIKA ILMUWAN-ILMUWAN ISLAM DARIPADA SEMUA DISIPLIN MEMBERI TUMPUAN KEPADA AJARAN ISLAM YANG SEBENAR:

+HAKIKAT HIDUP DALAM ABAD KE-20 MESTI DIPERTIMBANGKAN DAN KITA MESTI BERSEDIA MENGAKUI KESILAPAN TAFSIRAN KITA SEKARANG DAN MEMPERBETULKANNYA,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN TENTANG PENTINGNYA TEKNOLOGI MODEN BAGI MENYAMPAIKAN DAKWAH ISLAMIAH. -- LAGI  
1505MST 08 11 86

U B307 AAB

**MAHATHIR - ISLAM 4 PETALING JAYA**

+KITA TIDAK MAMPU DENGAN SIKAP NEGATIF YANG SEBERAPA LAMA MENOLAK SEMUA BENTUK IMEJ SEBAGAI MELANGGAR AJARAN ISLAM DAN AKHIRNYA TERPAKSA MENGUBAH PANDANGAN KITA DALAM MENGHADAPI KEADAAAN SEBENAR DI SEKELILING KITA,+ KATANYA.

UMAT ISLAM PERLU MENOLAK SEMUANYA JIKA IA BENAR-BENAR MELANGGAR AJARAN AGAMA, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SIKAP FANATIK YANG SELALUNYA MEMECAHBELAHKAN DAN MENGHANCURKAN MASYARAKAT MAJORITI ISLAM PERLU DIGANTI DENGAN RANCANGAN, PROGRAM DAN PENDEKATAN YANG PRAKTIKAL.

BELIAU MENINGATKAN UMAT ISLAM TENTANG BAGAIMANA NEGARA ISLAM KERAP JATUH KE TANGAN MUSUH KERANA KELEMAHAN ATAU KETIDAKMAMPUAN UMAT ISLAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGGESA UMAT ISLAM SUPAYA TIDAK MENGASINGKAN PELAJARAN SEKULAR DAN AGAMA, JIKA MEREKA HENDAK MENDAPAT MANFAAT DARIPADA PENDIDIKAN. -- LAGI  
1521MST 08 11 86

## MAHATHIR - ISLAM 5 PETALING JAYA

PENGAJIAN AL-QURAN DAN HADIS JIKA DENGAN NIAT MENYALAHGUNAKANNYA TIDAK MEMPUNYAI KELEBIHAN DARIPADA SEGI AGAMA DENGAN PENGAJIAN-PENGAJIAN PERKARA-PERKARA LAIN DENGAN NIAT YANG SAMA, KATANYA.

+JIKA UMAT ISLAM DAPAT MENGHARGAI INI, SEKATAN MENTAL DI KALANGAN MEREKA MENGENAI PELAJARAN DAPAT DIATASI DAN MEREKA AKAN LEBIH KUAT DAN BAIK MEMPERTAHAN PENYAMPAIAN AGAMA MEREKA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH KRISIS KEPIMPINAN YANG KERAP BERLAKU DALAM PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ISLAM DAN MENEGASKAN UMAT ISLAM PELU HANYA MEMILIH MEREKA YANG MEMPUNYAI KEMAMPUAN INTELEKTUAL, MORAL DAN ROHANIAH SEBAGAI PENINPIN.

MEREKA YANG DIPILIH MEMEGANG JAWATAN, KATANYA, MESTI MEMAINKAN PERANAN YANG BERKESAN DAN TIDAK BOLEH BERDIAM DIRI DAN MENDIAMKAN APA YANG BERLAKU SERTA TIDAK MENGIRAUKAN KEJADIAN DI SEKELILING MEREKA.

BELAU BERKATA YANG PENTING BAGI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ISLAM SEPERTI RISEAP IALAH MENANAMKAN SEMANJAT BERKORBAN DI KALANGAN UMAT.

-- LAGI

1540MST 08 11 86

U B330 AAB

## MAHATHIR - ISLAM 6 PETALING JAYA

SEMUA USAHA TIDAK AKAN BERKESAN SEPENUHNYA KECUALI UMAT ISLAM FAHAM BAHAWA MEREKA PERLU MENYUNBANGKAN MASA, WANG DAN TENAGA BAGI PERJUANGAN ISLAM, KATANYA.

KATANYA SESEORANG ISLAM YANG BAIK TIDAK MENGHARAPKAN BALASAN DARIPADA KORBANNYA BAGI KEPENTINGAN ISLAM.

BELIAU JUGA MENYENTUH SIKAP +MENGASINGKAN DIRI+ DI KALANGAN UMAT ISLAM YANG LEBIH CENDERUNG MENJAUHKAN DIRI DARIPADA MEREKA YANG BERAGAMA LAIN.

+ BAGAIMANA KITA BOLEH MEMBAWA DAKWAH ALLAH JIKA TIDAK BOLEH BERJUMPA MEREKA LANGSUNG DAN BAGAIMANA KITA HENDAH MENUNJUKKAN KEBAIKAN, KEBESARAN DAN KESEDERHANAAN ISLAM JIKA TIDAK BERTUBUNG DENGAN MEREKA?+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI AMARAN BAHAWA ISLAM BOLEH MENJADI AJARAN LANGSUNG DISALAHFAHAMKAN DI KALANGAN BUKAN ISLAM, JIKA UMAT ISLAM LEBIH SUKA MENGASINGKAN DIRI DAN JARANG MENYERTAI KEGIATAN-KEGIATAN ANTARA KAUM YANG BUKAN BERCORAK AGAMA BAGI MENGURANGKAN HUBUNGAN DENGAN ORANG LAIN. -- LAGI

1601MST 08 11 86

U B331 AAB

## MAHATHIR - ISLAM 7 PETALING JAYA

+DAN KERANA MEREKA (BUKAN ISLAM) TIDAK FAHAM, MEREKA SELALUNYA BERSIKAP BERMUSUHAN. MEREKA TAKUT DIPAKSA MENUKAR AGAMA KERANA ISLAM DIANGGAP SEBAGAI SATU SIRI SEKATAN TERHADAP APA YANG MEREKA GEMARI,+ TAMBAHNYA.

KATANYA UMAT ISLAM BIASANYA KUAT BERPEGANG KEPADA AGAMA DAN HUBUNGAN BAIK DENGAN BUKAN ISLAM TIDAK AKAN MEMPENGARUHI MEREKA.

SEBENARNYA, IA AKAN MENGHILANGKAN KETAKUTAN DAN ANTAGONISMA YANG TIDAK BERASAS YANG DITUNJUKKAN OLEH BUKAN ISLAM, TERUTAMA KRISTIAN, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA KEADAAN INI DISEDARI, UMAT ISLAM AKAN LEBIH BEBAS MENGAMALKAN AGAMA MEREKA TANPA MENDAPAT RINTANGAN DAN TENTANGAN YANG SELALU DIALAMI OLEH MINORITI ISLAM. -- BERNAMA

1604MST 08 11 86